**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 12 OGOS 2014 (SELASA)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Ujian kehamilan dilakukan ke atas tisu mayat wanita | Utusan Malaysia |
| 2. | Najib hargai peranan pasukan DVI Malaysia | Utusan Malaysia |
| 3. | Operasi benih awan JMM berjaya | Harian Metro |

# Ujian kehamilan dilakukan ke atas tisu mayat wanita

TAMPIN 11 Ogos - Tisu daripada mayat wanita yang ditemui di dalam sebuah beg pakaian di Taman Gemas Jaya di sini Sabtu lalu akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk mendapatkan pengesahan sama ada mangsa sedang hamil atau tidak.

Ketua Polis Daerah, Supritendan Wooi Kooi Cheang berkata, mayat wanita berusia awal 20-an itu kini masih disimpan di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban untuk menjalani beberapa proses penyiasatan.

"Pada masa ini pihak polis tidak menerima mana-mana laporan kehilangan ahli keluarga atau pun kenalan. Kita mengesyaki mangsa adalah warganegara asing berikutan mayat tersebut tidak mempunyai suntikan BCG (*Bacillus Calmette Guerin*).

Dimangga, diikat, dihumban ke longkang di Taman Gemas Jaya

## Mayat dalam beg pakaian



**KERATAN *Utusan Malaysia*, semalam.**

"Orang ramai mahupun majikan yang kehilangan pekerja diminta tampil membantu siasatan dan mengenal pasti identiti mangsa. Mangsa berambut panjang dan mempunyai ketinggian dianggarkan 1.52 meter," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Kooi Cheang berkata, saksi kejadian atau mana-mana pihak yang kehilangan ahli keluarga boleh pergi ke mana-mana balai polis berdekatan atau menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tampin di talian hotline 06-4431999.

Dalam kejadian pada kira-kira pukul 5 petang Sabtu lalu, seorang pekerja kedai perabot menemui sebuah beg pakaian yang mengandungi mayat seorang wanita di dalam longkang dekat Taman Gemas Jaya.

Mayat wanita di dalam beg yang berkunci mangga dan diikat itu lengkap berpakaian baju-T dan berseluar biru.

Terdapat kesan luka sepanjang enam sentimeter pada dahi mangsa dipercayai akibat hentakan benda tumpul manakala kedua-dua tangan terdapat kesan lebam dan dua jari tangan kiri hancur.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 12
TARIKH: 12 OGOS 2014 (SELASA)

# Najib hargai peranan pasukan DVI Malaysia

KUALA LUMPUR 11 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyatakan penghargaan beliau kepada pasukan penyiasatan dan pengecaman mangsa bencana (DVI) atas usaha membantu proses siasatan dan mengenal pasti mangsa nahas pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 di Ukraine.

Perdana Menteri berkata demikian melalui laman sosial Twitternya hari ini berikutan peranan kesemua anggota dan pegawai pasukan berkenaan yang terdiri daripada 24 kakitangan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kimia yang sebelum ini menerima pujian pasukan DVI antarabangsa.

"Terima kasih pasukan DVI Malaysia atas usaha membantu proses siasatan dan mengenal pasti mangsa nahas MH17 di Ukraine," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 18
TARIKH: 12 OGOS 2014 (SELASA)

Kuala Lumpur

# Operasi benih awan JMM berjaya

Keadaan langit yang berawan menjayakan operasi pembenihan awan yang dijalankan di beberapa kawasan di seluruh negara.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail berkata, pihaknya sentiasa menjalankan operasi pembenihan awan khususnya di kawasan yang mengalami kemerosotan tahap air empangan.

"Operasi pembenihan awan akan terus dijalankan di kawasan yang mengalami cuaca panas berpanjangan serta bagi meningkatkan tahap air empangan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.